



GARIS PANDUAN NAMA SYARIKAT

Garis panduan ini dikeluarkan menurut seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

Garis panduan ini terpakai kepada semua permohonan pendaftaran nama bagi pemerbadanan syarikat atau pendaftaran syarikat asing dan pertukaran nama syarikat atau syarikat asing.

OBJEKTIF

2. Garis panduan ini bertujuan sebagai panduan untuk membantu dan memudahkan pemohon-pemohon yang ingin memohon perizaban nama bagi tujuan memperbadankan syarikat atau menukar nama syarikat.

KEPERLUAN AM NAMA SYARIKAT

3. Bagi tujuan memperbadankan syarikat dan menukar nama syarikat, suatu pengesahan ketersediaan nama bagi nama yang dicadangkan mesti diperolehi daripada Pendaftar. Bagi tujuan memperbadankan syarikat, pengesahan ketersediaan nama boleh dilakukan secara serentak semasa proses pemerbadanan.

4. Secara amnya, ketersediaan nama syarikat adalah tertakluk kepada seksyen 26 Akta Syarikat 2016 ('AS 2016'). Sesuatu nama boleh disediakan jika nama itu bukan—

- (a) tidak wajar atau tidak boleh diterima;

- (b) sama dengan nama sesuatu syarikat, perbadanan atau perniagaan yang sedia ada;
- (c) tidak dengan nama yang dirizabkan di bawah Akta ini; atau
- (d) suatu nama daripada jenis yang diarahkan oleh Menteri kepada Pendaftar supaya tidak boleh diterima bagi pendaftaran.

5. Apabila berpuas hati bahawa nama itu bukan suatu nama yang boleh ditolak atas apa-apa alasan yang disebut dalam subseksyen 26(1) dan setelah fi yang ditetapkan dibayar, Pendaftar boleh merizabkan nama itu bagi suatu tempoh selama tiga puluh hari dari tarikh penyerah simpanan permohonan itu atau apa-apa tempoh lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Pendaftar.

NAMA SYARIKAT ASING

6. Suatu syarikat asing hendaklah didaftarkan di bawah nama sebagaimana yang didaftarkan di tempat asalnya tertakluk kepada nama itu tersedia di bawah seksyen 26.

7. Apa-apa perubahan pada nama sesuatu syarikat asing tidak boleh didaftarkan jika nama itu tidak tersedia di bawah seksyen 26.

PRINSIP-PRINSIP AM DAN CIRI-CIRI NAMA-NAMA YANG BOLEH DITERIMA UNTUK PENDAFTARAN

8. Prinsip-prinsip berikut hendaklah dipatuhi semasa menentukan sesuatu nama syarikat:

- (a) Ejaan dan penggunaan tatabahasa yang betul;

Contoh:

- KEJURUTERAAN MEWAH SDN. BHD. (✓)
KEJURUTERAN MEWAH SDN. BHD. (X)
MEWAH KEJURUTERAAN SDN. BHD. (X)
- BALANCE RESOURCES SDN. BHD. (✓)
BALANCE RESOUCES SDN. BHD. (X)

- (b) Penggunaan campuran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dibenarkan dengan syarat penggunaannya adalah untuk menerangkan jenis perniagaan dan hendaklah mengikut tatabahasa yang betul;

Contoh:

- MAJU CONSTRUCTION SDN. BHD. (✓)
CONSTRUCTION MAJU SDN. BHD. (X)
MAJU GREAT SDN. BHD. (X)
MAJU HEBAT SDN. BHD. (✓)
GREAT MAJU SDN. BHD. (X)
GREAT ADVANCE SDN. BHD. (✓)
- KLINIK AWESOME HEALTH SDN. BHD. (✓)
AWESOME HEALTH CLINIC SDN. BHD. (✓)
AWESOME HEALTH KLINIK SDN. BHD. (X)
AWESOME KLINIK HEALTH SDN. BHD. (X)
CLINIC AWESEOME HEALTH SDN. BHD. (X)
- OCEAN FANTASY SDN. BHD. (✓)
OCEAN FANTASI SDN. BHD. (X)
LAUT FANTASI SDN. BHD. (✓)
LAUT FANTASY SDN. BHD. (X)

- (c) Jika sesuatu nama mengandungi perkataan-perkataan selain daripada Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, makna perkataan-perkataan itu mesti diberikan;
- (d) Nama yang tidak mencaci, mencela atau mungkin menyinggung perasaan orang awam;
- (e) Nama yang tidak menyerupai unsur-unsur agama;
- (f) Elakkan daripada menggunakan perkataan-perkataan yang terlalu umum;

Contoh:

- Perkataan-perkataan umum sahaja:
BEAUTIFUL MALAYSIA SDN. BHD. (X)
 - Nama individu sahaja:
AHMAD ADAM (M) SDN. BHD. (X)
 - Nama tempat sahaja:
PUNCAK ALAM SDN. BHD. (X)
- (g) Hanya nama pengarah yang dinyatakan pada borang permohonan pemerbadanan boleh digunakan sebagai nama syarikat. Penggunaan nama individu lain selain daripada nama pengarah adalah terhadap kepada nama ahli keluarga pengarah sahaja. Bukti perhubungan mesti diberikan (contohnya: kad pengenalan, pasport, bil utiliti, kad kredit);
 - (h) Nama yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh sejarah tempatan atau asing, contohnya, Parameswara, Ibnu Sina, Abraham Lincoln adalah dibenarkan dengan penggunaan nama penuh tokoh itu;

- (i) Maksud bagi sesuatu perkataan yang direka atau dicipta mesti diberikan;
- (j) Apabila menggunakan perkataan-perkataan yang direka tanpa mempunyai maksud yang diketahui umum, surat kebenaran daripada syarikat sedia ada yang menggunakan perkataan rekaan yang sama tidak diperlukan. Sebagai contoh, "JELLEX" merupakan perkataan rekaan. Permohonan nama syarikat baharu yang mengandungi perkataan "JELLEX" sebagai sebahagian daripada nama yang dicadangkan akan diproses seperti berikut:

Contoh:

Bil.	Nama Baharu	Syarikat Sedia Ada	Surat Sokongan
1	JELLEX ASSETS HOLDING SDN. BHD.	JELLEX ASSETS SDN. BHD.	(√)
2	JELLEX TRADING SDN. BHD.	JELLEX ASSETS SDN. BHD.	(X)
3	JELLEX INTERNATIONAL SDN. BHD.	JELLEX ASSETS SDN. BHD.	(X)
4	JELLEX ASSETS (PENANG) SDN. BHD.	JELLEX ASSETS SDN. BHD.	(√)

- Permohonan baharu JELLEX ASSETS HOLDING SDN. BHD. perlu disertakan surat kebenaran daripada syarikat sedia ada JELLEX ASSETS MALAYSIA SDN. BHD. (berkaitan dengan syarikat pemegangan yang telah berdaftar, anak syarikat atau syarikat sekutu).

- Permohonan baharu JELLEX TRADING SDN. BHD. tidak perlu disertakan surat kebenaran daripada JELLEX ASSETS SDN. BHD. (syarikat sedia ada lain).

(k) Penggunaan simbol-simbol dalam nama syarikat adalah terhad kepada lima simbol berikut sahaja. Penggunaan simbol mestilah mematuhi penggunaan lazim supaya ia menjadi sebahagian daripada nama syarikat:

(i) "&" (termasuk 'dan', 'and' and 'N')

Contoh : D&T SERVICES SDN. BHD. (✓)
& AHMAD NASI AYAM SDN. BHD. (X)

(ii) "." (simbol 'noktah' untuk panggilan nama)

Contoh : MR. JOHN TRADE SDN. BHD. (✓)
DR. JOHN TRADE SDN. BHD. (✓)
HELLO.CHIRO SDN. BHD. (X)

(iii) "-" (simbol 'sempang' hanya dibenarkan untuk kata ganda dan perkataan biasa yang menggunakan simbol sempang)

Contoh: KUPU-KUPU DESIGN SDN. BHD. (✓)
FOCUS RE-ENGINEERING SDN. BHD. (✓)
XXX HI-TECH CONSULTANT SDN. BHD.(✓)
ABC-DEF MANAGEMENT SDN. BHD (X)
WASH-MY SERVICES SDN. BHD. (X)

(iv) "()" (simbol 'kurungan' hanya dibenarkan berada di akhir nama)

Contoh : ZY ADVERTISING (2017) SDN. BHD. (✓)
ZY (2017) ADVERTISING SDN. BHD. (X)

- (v) " ' " (simbol 'apostrophe' untuk menunjukkan kepunyaan)

Contoh : MUM'S RECIPE SDN. BHD. (√)

DATO' YUSOFF TRADING SDN. BHD. (√)

BLUE'S CUISINE SDN. BHD. (X)

- (l) Perkataan "Malaysia" atau nama mana-mana negeri di Malaysia pada permulaan nama tidak dibenarkan melainkan terdapat kepentingan kerajaan pesekutuan atau kerajaan negeri dalam syarikat itu atau dengan persetujuan pihak berkenaan;
- (m) Perkataan "Syarikat", "Company", atau "Co", "Co." yang terdapat di penghujung nama syarikat adalah dilarang digunakan sebagai sebahagian daripada nama syarikat; dan
- (n) Perkataan "Corporation", "Corp", "Corp.", "Perbadanan", "Incorporated", "Diperbadankan", "Incorporation", "Incorp", "Incorp.", "Inc", "Inc.", "Pemerbadanan", adalah dilarang penggunaannya melainkan terdapat kepentingan kerajaan dalam syarikat dan surat kebenaran daripada kementerian yang berkenaan hendaklah dikemukakan. Walau bagaimanapun, perkataan tersebut dibenarkan jika ianya berkaitan dengan pendaftaran syarikat asing atau untuk pertukaran nama syarikat sedia ada di mana nama sedia ada membawa perkataan sedemikian.

Contoh:

BULAN JITU *CORPORATION* SDN. BHD. (sedia ada)

BULAN JITU *CORPORATION* MACHINERY SDN. BHD.

(permohonan tukar nama) (√)

SOLACE CORPORATION SDN. BHD. (permohonan tukar nama) (X)

9. Nama mestilah bukan akronim yang boleh dikelirukan dengan nama-nama yang dikaitkan dengan yang berikut:

- (a) Akronim bagi nama institusi-institusi pengajian tinggi;

Contoh:

UiTM, UTM, UM, UKM, UPM, UUM, USM, UIA, UNIMAS, UMS, UIAM, UPSI, UMT, UMP, UTEM, UNIMAP, UTHM.

- (b) Akronim bagi nama agensi Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri atau syarikat milik kerajaan (GLC);

Contoh:

SSM, CCM, JKR, JPA, JPM, BNM, KPDNKK, SEDC, PKEN, SIRIM, TNB, PNB, FELDA, FELCRA, PETRONAS, SKM, MYCC, MIDA, KWSP, LHDN, PERKESO, MARDI, RISDA.

10. Sesuatu nama syarikat hendaklah mempunyai bilangan minimum tiga aksara tidak termasuk simbol, nombor serta jarak dan tidak boleh melebihi daripada 100 aksara. Bilangan aksara ini adalah tidak termasuk akhiran (*suffix*) iaitu perkataan-perkataan "Sendirian Berhad" atau "Berhad" atau singkatan "Sdn. Bhd." atau "Bhd.".

Contoh:

A&B SDN. BHD (X)

A7 BERHAD (X)

200 SDN. BHD. (X)

BYK30 SDN. BHD. (✓)

ABC BERHAD (✓)

NAMA-NAMA YANG TIDAK WAJAR ATAU TIDAK BOLEH DITERIMA

11. Pendaftar mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan sama ada sesuatu nama adalah tidak wajar atau tidak boleh diterima. Dalam melaksanakan budi bicara tersebut, Pendaftar boleh menentukan bahawa sesuatu nama adalah tidak wajar atau tidak boleh diterima jika—

- (a) ia mengandungi perkataan yang lucah;
- (b) ia bertentangan dengan dasar awam termasuk nama yang dinyatakan dalam perenggan 4;
- (c) ia berkemungkinan menyinggung mana-mana bahagian tertentu sesuatu komuniti atau mana-mana agama tertentu;
- (d) ia mengelirukan tentang identiti, sifat, objek atau tujuan syarikat atau dalam apa-apa cara lain; atau
- (e) apa-apa slogan kerajaan yang dikawal.

NAMA YANG SAMA

12. Dalam menentukan sama ada sesuatu nama syarikat adalah sama dengan yang lain, perkara-perkara berikut hendaklah diabaikan:

- (a) "The", apabila ia adalah perkataan pertama pada nama;

Contoh:

- THE GREAT FOOD SDN. BHD. = GREAT FOOD SDN. BHD.

- (b) "Sendirian", "Sdn", "Berhad", "Bhd", "PLT", "Perkongsian Liabiliti Terhad", "Pte Ltd", "LLC", "Pvt Ltd" atau apa-apa akhiran (*suffix*) bagi nama sesuatu syarikat asing di negara asalnya;

(c) Simbol pada nama syarikat;

Contoh:

- A&J ATELIER SDN. BHD. = AJ ATELIER SDN. BHD. = A J ATELIER SDN. BHD.
- E-TECH SDN. BHD. = ETECH SDN. BHD. = E TECH SDN. BHD.
- MYS CO. SDN. BHD. = MYS CO SDN. BHD.

(d) Perkataan dan ungkapan berikut yang terdapat pada penghujung sesuatu nama: "Company", "Co", "Co.", "Syarikat", "Corporation", "Corp", "Corp." "Perbadanan", "Incorporated", "Diperbadankan", "Incorporation", "Incorp", "Inc", "Inc.", "Pemerbadanan", "Holding", "Group", "Kumpulan", "Malaysia", "(M)", "Msia", "Consortium", "Konsortium", "Consolidated", dan "nama tempat", adalah dianggap sama. Perkataan dan ungkapan tersebut dibenarkan bagi syarikat sekutu yang melampirkan surat kebenaran daripada syarikat pemegangannya;

Tiga jenis situasi dalam menentukan sama ada perkataan di atas diambil kira:

Contoh 1:

Penggunaan perkataan "Malaysia", "(M)", "MY", "Msia" (di hujung nama syarikat) dalam permohonan baharu tidak membezakannya dengan nama syarikat yang sedia ada. Oleh yang demikian, permohonan baharu tidak boleh dipertimbangkan walaupun surat kebenaran disertakan.

ZIP LEGACY SDN. BHD. (sedia ada)

ZIP LEGACY MALAYSIA SDN. BHD. (permohonan baharu)

ZIP LEGACY MALAYSIA SDN. BHD. tidak akan dipertimbangkan walaupun telah mendapatkan surat kebenaran daripada ZIP LEGACY SDN. BHD., syarikat sedia ada.

Contoh 2:

Permohonan baharu boleh dipertimbangkan sekiranya surat kebenaran daripada syarikat sedia ada disertakan. Perkataan "Holding", "Group", "Kumpulan", "Consortium", "Konsortium", "Consolidated" boleh membezakan nama yang baharu dipohon dengan nama syarikat sedia ada sebagai syarikat sekutu. Permohonan nama baru tidak akan dipertimbangkan sekiranya tidak disertakan surat kebenaran daripada syarikat sedia ada.

ZIP LEGACY (M) PLT (sedia ada)

ZIP LEGACY CONSOLIDATED SDN. BHD. (permohonan baru)

Permohonan nama ZIP LEGACY CONSOLIDATED SDN. BHD. boleh dipertimbangkan dengan melampirkan surat kebenaran daripada ZIP LEGACY (M) PLT.

Contoh 3:

Permohonan baharu akan dipertimbangkan sekiranya surat kebenaran daripada kerajaan persekutuan/ kerajaan negeri/ agensi kerajaan yang berkaitan. Perkataan "Company", "Co", "Co.", "Syarikat", "Corporation", "Corp", "Corp.", "Inc", "Inc.", "Incorp", "Incorporated", "Incorporation", "Perbadanan", "Diperbadankan", "Pemerbadanan" adalah dilarang penggunaannya melainkan terdapat kepentingan kerajaan dalam syarikat dan surat kebenaran daripada kerajaan

persekutuan/ kerajaan negeri/ agensi kerajaan yang berkaitan perlu disertakan. Rujuk subperenggan 8(n).

ZIP LEGACY (SABAH) SDN. BHD. (sedia ada)

ZIP LEGACY INC SDN. BHD. (permohonan baru)

Permohonan nama ZIP LEGACY INC SDN. BHD. akan ditolak walaupun telah mendapatkan surat kebenaran daripada ZIP LEGACY (SABAH) SDN. BHD. kerana perkataan "Inc" tidak dibenarkan.

- (e) Mana-mana perkataan atau ungkapan yang, pada pendapat Pendaftar, bertujuan untuk menggambarkan mana-mana perkataan atau ungkapan dalam subperenggan (d);
- (f) Versi jamak (plural) bagi nama itu;

Contoh:

- (i) TOP FOOD F&B SERVICE SDN. BHD. = TOP FOOD F&B SERVICES SDN. BHD.
- (ii) BRB CREATIVE VIDEOS SDN. BHD. = BRB CREATIVE VIDEO SDN. BHD.
- (iii) HAPPY PRINTING FAMILY SDN. BHD. = HAPPY PRINTING FAMILIES SDN. BHD.
- (iv) YLL MEGA PROPERTIES SDN. BHD. = YLL MEGA PROPERTY SDN. BHD.

- (g) Terjemahan perkataan menjelaskan aktiviti dalam nama itu;

Contoh:

- (i) PEMBINAAN JAYA SDN. BHD. = JAYA CONSTRUCTION SDN. BHD.

(ii) RESTORAN MAHMUD SDN. BHD. = MAHMUD
RESTAURANT SDN. BHD.

(h) Kata dasar atau singkatan perkataan yang membawa maksud yang sama;

Contoh:

- (i) Lubricant, Lube, Lubes
- (ii) Technology, Technologies, Tech
- (iii) Pack, Packed, Packing

(i) Jenis dan saiz huruf, jarak antara huruf-huruf dan tanda bacaan;

(j) Simbol "&" dianggap mempunyai makna yang sama dengan perkataan "and" ataupun "dan";

(k) Penggunaan semula nama syarikat yang telah dibubarkan melalui tindakan pemotongan nama syarikat dan juga perintah mahkamah/penggulungan sukarela di bawah seksyen 549 AS 2016 adalah dibenarkan (tertakluk kepada ketersediaan nama):

(i) selepas tujuh tahun dari tarikh pembubaran (melalui pemotongan nama syarikat) di bawah subseksyen 555(1) AS 2016; atau

(ii) selepas dua tahun dari tarikh pembubaran (melalui perintah mahkamah/penggulungan sukarela) di bawah subseksyen 535(1) AS 2016.

(l) Penggunaan semula nama Perkongsian Liabiliti Terhad ('PLT') yang telah dibubarkan sama ada melalui pembatalan atau

penggulangan dibenarkan selepas dua tahun pembubaran PLT itu di bawah seksyen 52 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

(m) Penggunaan semula nama perniagaan yang telah tamat tempoh atau ditamatkan:

- (i) dibenarkan, selepas dua belas bulan dari tarikh tamat perniagaan; dan
- (ii) dibenarkan, jika perniagaan telah ditamatkan apabila pemberitahuan berkaitan telah diserahkan dengan Pendaftar.

(n) Penggunaan semula nama lama syarikat atau PLT atau nama syarikat atau perniagaan yang telah menukar status kepada PLT (secara *conversion*) dan telah menukar nama kepada nama yang baharu dibenarkan tertakluk kepada:

- (i) jika nama terdahulu (nama lama) tidak lagi digunakan dan tempohnya telah melebihi dua belas bulan, nama tersebut boleh digunakan tanpa surat kebenaran daripada syarikat yang telah menggunakan nama tersebut; atau
- (ii) jika tempoh untuk tidak menggunakan nama terdahulu (nama lama) masih dalam tempoh dua belas bulan, surat kebenaran hendaklah disertakan daripada syarikat yang telah menggunakan nama tersebut.

NAMA YANG DILARANG DI BAWAH ARAHAN MENTERI

13. Menteri telah mengarahkan Pendaftar untuk tidak menerima nama-nama berikut untuk pendaftaran:

- (a) Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan ahli keluarga diraja atau naungan diraja termasuk nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "Diraja", "Raja", "Permaisuri", "Putera", "Puteri", "Mahkota", "Raja Muda", "Yang Mulia" atau "Yang Maha Mulia".

Pendaftar boleh mempertimbangkan permohonan untuk penggunaan nama yang dinyatakan dalam perenggan (a) di atas tertakluk kepada kriteria berikut:

- (i) perkataan itu merujuk kepada nama sesuatu lokasi seperti "Putra Nilai" atau "Taman Mahkota";
- (ii) perkataan itu menunjukkan saiz produk yang diniagakan seperti "king-sized roof" atau suatu jenama seperti "Musang King";
- (iii) perkataan itu hanya merujuk kepada nama individu atau nama pengarah seperti "Sultan Ali" atau "John King" sebagaimana pada dokumen pengenalan diri individu itu; atau
- (iv) mengikut budi bicara Pendaftar, alasan yang diberikan oleh pemohon tidak menunjukkan apa-apa hubungan dengan ahli keluarga Diraja atau naungan Diraja.

- (b) Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan sesuatu jabatan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, badan berkanun, pihak berkuasa atau agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan termasuklah nama-nama yang

mengandungi perkataan-perkataan seperti "Persekutuan", "Negeri" atau "Nasional".

- (c) Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan mana-mana kerajaan negara ASEAN, Komanwel atau kerajaan asing, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau mana-mana pertubuhan antarabangsa yang lain termasuklah nama-nama yang mengandungi perkataan-perkataan seperti "ASEAN", "UNESCO", "NATO", "EEC", atau "OPEC".
- (d) Nama-nama yang membayangkan apa-apa kaitan dengan mana-mana parti politik, pertubuhan, kesatuan sekerja, koperasi atau persatuan pembinaan.
- (e) Nama-nama yang termasuk perkataan-perkataan yang berikut atau apa-apa perkataan yang mempunyai maksud yang sama atau seumpamanya:
"Amanah", "Amanah Saham", "Bank", "Bursa", "Bumiputra", "Biro", "Buatan Malaysia", "Dewan Pengeluaran", "Dewan Perniagaan dan Perindustrian", "Eksekutor", "Harga Patut", "Institut", "Insurans", "Jaminan", "Jurubank", "Kewangan", "Khazanah", "Kredit", "Kolej", "Majlis", "Pajakan", "Pejabat Pendaftaran", "Pelaburan", "Pengguna", "Perdana", "Tauliah", "Tabung", "Universiti", "Urusan Bank", "Yayasan".

14. Sekiranya pemohon atau penganjur syarikat (*promoter*) mempunyai justifikasi untuk menggunakan nama atau perkataan yang terkandung dalam Arahan Menteri, pemohon atau penganjur tersebut boleh membuat rayuan melalui surat rayuan rasmi kepada Menteri di bawah subseksyen 27(3) AS 2016 melalui Pendaftar dengan menyatakan sebab atau justifikasi untuk menggunakan nama atau perkataan tersebut sebagai

sebahagian daripada nama yang dicadangkan oleh syarikat dengan bayaran fi permohonan rayuan sebanyak RM300.

PENGAWALAN NAMA/PERKATAAN

15. Permohonan pengawalan nama/perkataan boleh dibuat oleh:

- (a) agensi kerajaan persekutuan/ agensi kerajaan negeri/ jabatan/ pihak berkuasa tempatan (Pihak Berkuasa):
 - (i) berdasarkan punca kuasa iaitu akta yang dikawal selia; atau
 - (ii) berdasarkan permohonan dan justifikasi yang diberikan oleh Pihak Berkuasa bagi tujuan memelihara kepentingan dan ketenteraman awam atau prinsip moral atau mengelakkan kekeliruan.

Sila rujuk senarai Pihak Berkuasa di "**Lampiran 1**" dan Senarai Semak 1 di "**Lampiran 2**".

- (b) Entiti perniagaan atau mana-mana pihak yang telah mendaftarkan sesuatu perkataan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Sila rujuk Senarai Semak 2 di "**Lampiran 3**".

16. Bagi permohonan nama baharu dan penukaran nama syarikat yang mengandungi perkataan yang dikawal, pemohon perlu mengemukakan surat kebenaran daripada agensi atau entiti perniagaan yang mengawalnya untuk pertimbangan kelulusan Pendaftar.

ARAHAN PERTUKARAN NAMA SYARIKAT

17. Di bawah subseksyen 29(1) AS 2016, Pendaftar mempunyai kuasa untuk mengarahkan syarikat menukar namanya jika Pendaftar percaya,

atas alasan yang munasabah, nama syarikat yang telah didaftarkan itu tidak sepatutnya didaftarkan.

18. Apabila menerima Notis Arahan Tukar Nama, syarikat diberi tempoh selama enam puluh hari atau tempoh lanjut yang dibenarkan oleh Pendaftar, untuk mematuhi arahan tersebut. Sekiranya syarikat gagal mematuhi arahan itu, Pendaftar mempunyai kuasa di bawah subseksyen 29(2) AS 2016 untuk menukar nama syarikat kepada nombor pendaftaran syarikat atau mana-mana ungkapan yang diberikan oleh Pendaftar.

RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN PENDAFTAR

19. Di bawah subseksyen 27(3) AS 2016, jika pemohon atau penganjur syarikat terkilan dengan keputusan Pendaftar dalam mengesahkan ketersediaan nama, pemohon atau penganjur boleh, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan Pendaftar, merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad.

20. Rayuan kepada Menteri hendaklah menyatakan alasan dan justifikasi penggunaan nama tersebut berserta bayaran fi permohonan rayuan sebanyak RM300.00 (Rujuk perenggan 14).

21. Garis Panduan ini menggantikan Garis Panduan Nama Syarikat yang dikeluarkan pada 17 September 2024.

PENDAFTAR

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

14 JULAI 2026

Pihak Berkuasa

Pihak Berkuasa atau agensi rujukan yang disenaraikan di bawah mengawal perkataan-perkataan tertentu sama ada melalui undang-undang atau mandat kerajaan. Pemohon boleh menyemak sama ada perkataan yang ingin digunakan disenaraikan sebagai perkataan yang dikawal oleh Pihak Berkuasa.

Sekiranya pemohon ingin menggunakan perkataan yang dikawal oleh Pihak Berkuasa, sila lampirkan dokumen sokongan daripada Pihak Berkuasa berkenaan sebelum meneruskan permohonan carian nama.

1. Board of Architects Malaysia / Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Architect", "Arkitek", "Perekabentuk Dalaman", "Rekabentuk Dalaman", "Pelukis Pelan Bangunan", "Interior Designer", "Interior Design", "Building Draughtsman", "Building Draughtsmen" dan dengan sijil arkitek bertauliah.

<http://lam.gov.my/>

2. Board of Engineers Malaysia / Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Engineer" atau "Jurutera" dan dengan sijil jurutera bertauliah.

<http://bem.org.my/>

3. Board of Valuers, Appraisers, Estate Agents and Property Managers / Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPPEH)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Juru Ukur", "Jurukur", "Penilai", "Pentaksir", "Surveyor", "Ahli Ekonomi Tanah", "Perunding Harta", "Pengurus Harta", "Estate Agent", "Property Agent", "Valuer", "Appraiser", "Estate Agency", "Agen Harta Tanah", "Agen Perumahan" atau "Urus Harta".

<https://lppeh.gov.my/>

4. Central Bank of Malaysia / Bank Negara Malaysia (BNM)

Nama dan aktiviti yang dicadangkan mengandungi perkataan "BNM", "Money Broker", "Money Changer", "Money Exchange", "Pengurup Wang", "Peniaga Mata Wang Asing", "Takaful", "Tukaran Mata Wang", "Tukaran Mata Wang Asing", "Bureau De Change", "Exchange", "Bank", "Finance", "Merchant Bank", "Insurance", "Assurance", "Foreign Exchange", "Foreign

Exchange Broker", "Currency Exchange", "Forex", "Forex Exchange", "Insurer", "Assurer", "Deposit Taking", Loss Adjuster", "Remittance", atau "Building Credit Development Finance".

<https://www.bnm.gov.my/>

5. Civil Aviation Authority of Malaysia / Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan atau akronim berkaitan udara seperti "Aerospace", "Air", "Airspace", "Aviation", "Airline", "Airways", "Aircraft", "Airport", "Aero" atau "Aviator".

<https://www.caam.gov.my/>

6. Department of Islamic Development Malaysia / Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Nama dan aktiviti yang dicadangkan mengandungi perkataan "Amil", "Baitumal", "Crypto", "Faraid", "Halal", "Islam", "Madinah", "Masjid", "Mustaqim", "Mukjizah", "Wasiat", atau Ehram"

<https://www.islam.gov.my/>

7. Institute Integrity of Malaysia / Institut Integriti Malaysia (IIM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Integriti", "Intergriti", "Integrity" atau Intergrity".

<https://integriti.my/>

8. Institute of Islamic Understanding Malaysia / Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "IKIM", "IKIM FM" atau "IKIMFM".

<https://www.ikim.gov.my/>

9. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "IRDA" atau "Iskandar Malaysia".

<https://www.irda.com.my/>

10. Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Permohonan nama yang mengandungi perkataan yang dikawal oleh MDEC seperti "Ciber", "Cyber", "MSC", "Multimedia Super Corridor", "Cyberjaya" "Malaysia Digital", "Saiber", "Siber", atau "Syber".

<https://mdec.my/>

11. Malaysian Institute of Accountants (MIA)

Nama dan aktiviti yang dicadangkan mengandungi perkataan "Accountant", "Accounting", "Auditor", "Public Accountant", "Tax", "Tax

Advisor", "Tax Consultant", "Taxation", "Akauntan", "Cukai", "Perakaunan", "Percukaian", atau "Perunding Cukai".

<https://www.mia.org.my/>

12. Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "MIDA".

<https://www.mida.gov.my/>

13. Ministry of Education / Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "School", "Sekolah", "Tadika", "Prasekolah" atau "Pusat Bahasa"

<https://www.moe.gov.my/>

14. Ministry of Foreign Affairs Malaysia - Asean-Malaysia National Secretariat (AMNS)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Association of Southeast Asian Nations" atau "ASEAN".

<https://asean.org/about-us/asean-name/>

15. Ministry of Housing and Local Government / Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Nama dan aktiviti yang dicadangkan mengandungi perkataan "Pajak Gadai", "Pemberi Pinjam Wang", "Peminjam Wang", "Kredit", "Credit", "Money Lender", "Pawnbroker", "Pawnbroking" atau mana-mana istilah lain yang sama.

<https://www.kpkt.gov.my/>

16. Ministry of Higher Education / Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "College", "Institute", "University", "Kolej", "Institut", atau "Universiti".

Pengawalan perkataan "Institute" atau "Institut" hanya tertakluk kepada bidang berkaitan pendidikan tinggi di Malaysia.

<https://www.mohe.gov.my/>

17. Ministry of Health of Malaysia / Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Nama dan aktiviti yang dicadangkan mengandungi perkataan "Hospital", "Medical Clinic/ Centre", "Dental", "Pharmacy", "Optometris", "Juruoptik", "Klinik", "Alternative Medical", "Perubatan Alternatif", "Perubatan Traditional", "Traditional Medicine", "Optik / Optic" atau apa-apa terma yang berkaitan. Pemohon harus mendapatkan sijil kelulusan KKM.

<https://www.moh.gov.my/>

Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K):

<https://tcm.moh.gov.my/>

18. Ministry of Tourism, Arts & Culture / Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)

Permohonan nama yang mengandungi perkataan yang dikawal oleh MOTAC seperti "Butik Hotel", "(MM2H)", "Home Stay", atau "Homestay".

<https://www.motac.gov.my/>

19. Prime Minister's Department of Malaysia/ Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Dinar" atau "Jalur Gemilang".

<https://www.jpm.gov.my/>

20. Securities Commission Malaysia / Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Securities Trading Market", "Future Broker", "Future Trading Adviser", "Futures Exchange", "Stock Market", "Stock Exchange", "Derivatives Exchange", "Derivatives Market", or "Derivatives Trading Market".

Selain itu, apa-apa nama, gelaran atau perihalan yang membayangkan atau cenderung untuk mewujudkan kepercayaan bahawa orang itu ialah suatu organisasi yang mengambil bahagian atau ahli suatu gabungan organisasi yang mengambil bahagian atau orang itu ialah suatu pemegangan bursa, bursa saham atau bursa derivatif atau orang itu dilesenkan untuk menjalankan perniagaan atau melaksanakan apa-apa fungsi berhubung dengan apa-apa aktiviti dikawal yang dinyatakan dalam Jadual 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

<https://www.sc.com.my/>

21. Perbadanan Putrajaya (PPJ)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Putrajaya".

<https://www.ppj.gov.my/>

22. Malaysia Co-operative Societies Commission / Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "Koperasi", "COOP" atau "KOOP".

<https://www.skm.gov.my/index.php/my/>

23. Labuan Financial Services Authority (LABUAN FSA)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "LOFSA", "Labuan FSA" atau "LFSA".

<https://www.labuanfsa.gov.my/>

24. Pejabat Perdana Menteri – Unit Penyelarasan Lonjakan Strategik (PACU)

Nama yang dicadangkan mengandungi perkataan "MADANI"

<https://www.pacu.gov.my/seksyen-perancangan-strategik/>

LAMPIRAN 2

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAWALAN NAMA DARIPADA PIHAK BERKUASA

Permohonan daripada Pihak Berkuasa untuk mengawal dan menghadkan sesuatu perkataan/ nama boleh dibuat dengan memajukan permohonan rasmi kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**). Pemohon hendaklah mengemukakan:

- (i) Permohonan rasmi secara bertulis dengan menyatakan:
 - (a) Nama Pihak Berkuasa:
 - Permohonan hendaklah dikemukakan oleh Pihak Berkuasa menggunakan *letter head* Pihak Berkuasa berkenaan;
 - Penjelasan punca kuasa dan akta yang dikawalselia; atau
 - Justifikasi – melibatkan kepentingan dan kesejahteraan awam atau prinsip moral dan mengelak kekeliruan.
 - (b) Nama/ perkataan yang ingin dikawal:
 - Bukan merupakan perkataan yang umum atau nama tempat atau jenis perniagaan.
 - Boleh melampirkan senarai nama/ perkataan yang ingin dikawal.
 - (c) Tarikh permohonan dan alasan pengawalan perkataan tersebut dipohon.
 - Nyatakan tarikh permohonan.
 - Penjelasan punca kuasa dan akta yang dikawalselia.
 - Justifikasi – melibatkan kepentingan dan

kesejahteraan awam atau prinsip moral dan mengelak kekeliruan.

- (d) Nyatakan pengawalan nama/ perkataan dipohon di bawah Akta Syarikat 2016 (**AS 2016**) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (**APLT 2012**) atau kedua-duanya sekali. Permohonan hendaklah dibuat secara berasingan.
- (ii) Pihak Berkuasa hendaklah melampirkan akta atau ekstrak akta bagi perkataan yang ingin dikawal.

SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENGAWALAN NAMA ENTITI PERNIAGAAN

Permohonan daripada Entiti Perniagaan untuk mengawal dan menghadkan sesuatu perkataan/ nama yang telah didaftarkan sebagai satu Cap Dagangan (*Trademark*) dengan MyIPO boleh dibuat dengan memajukan permohonan rasmi kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**). Pemohon hendaklah mengemukakan:

(iii) Permohonan secara bertulis dengan menyatakan:

(e) Nama pemohon:

- Permohonan hendaklah dikemukakan oleh Pemilik Cap Dagangan/ Peguam Syarikat/ Setiausaha atau Pengarah Syarikat. Sekiranya pemohon bukan pemilik Cap Dagangan, surat kuasa/wakil daripada pemilik Cap Dagangan hendaklah dilampirkan.
- Penjelasan dan dokumen sokongan perlu diberikan jika pemohon merupakan syarikat bersekutu/ anak syarikat.
- Syarikat asing yang mempunyai pendaftaran Cap Dagang yang berdaftar dengan MyIPO atau boleh membuat permohonan.

(f) Nama/ perkataan yang ingin dikawal:

- Perkataan merupakan perkataan rekaan atau gabungan perkataan.
- Bukan merupakan perkataan yang umum atau nama tempat.
- Bukan logo atau slogan.

- Hanya satu perkataan yang dipohon dalam satu permohonan. Jika lebih daripada satu perkataan yang ingin dikawal, permohonan dan bayaran dibuat secara berasingan.
- (g) Tarikh permohonan dan alasan pengawalan perkataan tersebut dipohon.
- Nyatakan tarikh permohonan.
 - Berikan justifikasi pengawalan nama/ perkataan tersebut dipohon.
- (h) Nyatakan pengawalan nama/ perkataan dipohon di bawah Akta Syarikat 2016 (**AS 2016**) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (**APLT 2012**) atau kedua-duanya sekali. Permohonan hendaklah dibuat secara berasingan.
- (iv) Pemohon hendaklah melampirkan dua (2) dokumen daripada MyIPO sebagai bukti nama/ perkataan yang ingin dikawal telah didaftarkan sebagai Cap Dagangan dan untuk menunjukkan tempoh pendaftaran Cap Dagangan tersebut masih sah. Dokumen-dokumen tersebut adalah:
- (a) Salinan perakuan pendaftaran Cap Dagangan (*Certificate of Registration – Regulation 56*); dan
 - (b) Salinan perakuan pembaharuan Cap Dagangan (*Renewal Certificate – Section 41*), jika berkenaan.
- (v) Bayaran fi sebanyak RM100.00 bagi satu (1) permohonan.